

Lepasan IPT mesti rajin membaca: PM

Ilmu pengetahuan dipelajari era 60-an, 70-an patut ditambah

Oleh Saufi Hamzah

KEPALA BATAS: Lepasan institusi pengajian tinggi (IPT) dan sekolah era 1960-an serta 1970-an, perlu rajin membaca bagi mengelak mereka ketinggalan daripada mengetahui perkembangan terkini dalam arus globalisasi.

Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi, berkata ilmu pengetahuan yang dipelajari pada waktu itu tidak mencukupi kerana peredaran zaman dan masa mengubah pelbagai aspek kehidupan mereka.

"Kita tidak akan maju setakat ilmu waktu itu. Misalnya, jika kita tamat sekolah pada 1960-an, ilmu itu tidak akan bertambah sedangkan keadaan berubah. Bidang pengilangan, pengu-

rusan dan ilmu berniaga sentiasa berkembang.

"Kalau kita sudah berniaga 20 tahun, tentu macam-macam berlaku. Jika kita tidak membaca, kita akan ketinggalan ketika orang lain guna alat saintifik dan kerana tidak ambil kisah serta tokok tambah ilmu, kita akan ketinggalan," katanya.

Abdullah berkata demikian ketika berucap merasmikan Skim Simpanan Pendidikan Nasional (SSPN) peringkat Parlimen Kepala Batas anjuran Pergerakan Pemuda Umno bahagian di Dewan Milenium di sini, semalam.

Hadir sama, Menteri Pengajian Tinggi, Datuk Mustapa Mohamed; Menteri Kebudayaan, Kesenian dan Warisan, Datuk Seri Dr Rais Yatim;

Pengerusi Putera Umno Malaysia, Datuk Abd Azeez Abd Rahim dan Ketua Pemuda bahagian, Ahmad Darus,

Perdana Menteri turut meminta ibu bapa supaya mendidik anak generasi sekarang supaya berkawan dengan buku terutama pada masa cuti.

"Tidak kira buku cerita, novel atau apa saja dan jadi teman kita bantu isi ruang yang kosong dengan kegiatan berguna. Jangan dok lopong (terganga) seorang diri, tidur dan naik basikal pergi kedai," katanya.


Abdullah berkata, kerajaan tidak mengabaikan tanggungjawabnya untuk membantu golongan miskin agar memastikan anak mereka mendapat pendidikan yang sempurna.

Katanya, Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9) sentiasa menekankan

kepentingan modal insan yang hanya dapat dicapai menerusi pendidikan.

Pada majlis itu, Mustapa menyerahkan waran Wang Pendahuluan Pinjaman (WPP) Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional (PTPTN) sebanyak RM75,000 kepada Abdullah.

Perdana Menteri turut menyampaikan WPP kepada 50 pelajar yang akan mengikuti pengajian di institusi pengajian tinggi, bantuan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin (KWAM) kepada pengetua dan guru besar, penghargaan kepada pelajar cemerlang Ujian Pencapaian Sekolah Rendah, Penilaian Menengah Rendah dan Sijil Pelajaran Malaysia serta bantuan basikal kepada pelajar miskin.



PENUH BERSEMANGAT: Abdullah memeriksa perbarisan Askar Wataniah pada majlis pelancaran Kompeni Askar Wataniah Kawasan Parlimen Kepala Batas, Batu Kawan dan Nibong Tebal di Kepala Batas, semalam.